

Pengakhiran Dunia Menurut Kefahaman Barat: Kajian Berdasarkan Filem Terminator Salvation

The End of the World according to Western Notion: A Study based on Terminator Salvation Movie

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi¹, Mohd Hamidi Ismail ², Musa Mohamad ³, Zulkarnin Zakaria⁴

¹ Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan;

² Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Islam Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

³ Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

⁴ Kolej PERMATA Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

Progres Artikel

Diterima: 12 November 2018

Disemak: 13 November 2018

Diterbit: 30 November 2018

*Corresponding Author:

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi
Kolej PERMATA Insan,
Nilai, Negeri Sembilan;
Email:
ahmadbazli@usim.edu.my

Abstrak: Lambakan filem daripada Barat di Malaysia mencetuskan keimbangan dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana pembikinan filem-filem tersebut bukanlah sekadar cerita, namun sarat dengan elemen falsafah dan budaya daripada Barat, tidak terkecuali juga elemen agama. Perkara ini secara tidak langsung memberikan pengaruh yang cukup besar terhadap pemikiran dan pegangan umat Islam terutama kepada golongan yang belum memiliki akidah yang mantap terutama kanak-kanak. Kajian ini bertujuan mengkaji konsep pengakhiran dunia menurut kefahaman Barat dalam filem bertajuk "*Terminator Salvation*". Kajian yang menggunakan pendekatan kajian perpustakaan ini menyoroti dan menyelami kandungan yang terdapat dalam filem ini dan menghubungkaitkan dengan konsep pengakhiran dunia menurut kefahaman agama yang dianuti di Barat. Hasil kajian mendapati babak-babak dalam filem ini mempunyai kaitan yang signifikan dengan pengakhiran dunia menurut ajaran yang pelbagai, saling bercampur aduk seperti Kristian, Yahudi dan lain-lain; tanda-tanda kedatangan kiamat, konsep *salvation*, kedatangan Mesiah, dan tarikh perkiraan berlakunya kiamat. Kajian ini berperanan penting dalam membongkar agenda tersembunyi khususnya dalam usaha menyebarkan ideologi-ideologi Barat ke dunia Islam.

Kata kunci: pengaruh, akidah, tanda, Mesiah, dan ideologi.

Abstract: The glut of western movies in Malaysia raised an alarm among the society. The movies depicted not only fictional stories, but they were heavily clouded by western philosophy and culture, including religion. This phenomenon indirectly influenced the thoughts and belief of the Muslims especially those who have yet established strong religious stand such as children. This paper examined the end of the world concept based on western thought in the movie "Terminator Salvation". This library research scrutinized the content of the movie and related it to the end of the world concept as understood in religious thought in the West. The outcome of the study showed many significant scenes that depicted the end of the world according to various teaching which jumbled together like Christianity, Jews and extra; such as the signs of Armageddon, the concept of Salvation, the appearance of Jesus Christ, and the approximate date of the doomsday. This paper exposed the hidden agenda explicitly in part of disseminating western ideologies to Islam world.

Keywords: influence, thought, sign, Messiah, and ideologies.

Pengenalan

Lambakan filem daripada Barat di Malaysia mencetuskan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana pembikinan filem-filem tersebut bukanlah sekadar cerita, namun sarat dengan elemen falsafah dan budaya daripada Barat, tidak terkecuali juga elemen agama. Perkara ini secara tidak langsung memberikan pengaruh yang cukup besar terhadap pemikiran dan pegangan umat Islam terutama kepada golongan yang belum memiliki akidah yang mantap terutama kanak-kanak.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti aspek ajaran berunsurkan agama dalam filem barat yang ditayangkan di Malaysia dan berperanan penting dalam menarik minat masyarakat mengkaji aspek-aspek yang terdapat dalam sesebuah filem seterusnya menapis unsur-unsur yang boleh menggugat akidah orang Islam.

Metodologi

Metodologi kajian perpustakaan telah digunakan dalam kajian ini dan sampel kajian ialah filem *Terminator Salvation* yang telah ditayangkan pada tahun 2009. Pengkaji terlebih dahulu mengumpul data berkenaan kiamat menurut ajaran agama di Barat dan seterusnya menganalisis kandungan sampel sama ada terdapat elemen-elemen yang menepati data tersebut.

Sinopsis filem

Terminator Salvation dimulakan dengan seorang tahanan penjara bernama Marcus Wright di Penjara Longview, yang dihukum kerana mengakibatkan kematian dua pegawai polis dan saudaranya. Marcus bersetuju mendermakan organ dan tisunya untuk kajian perubatan memandangkan perlaksanaan hukumannya ialah suntikan yang membawa maut. Dia juga percaya pendermaan itu adalah sebagai sesuatu yang mulia.

Setahun kemudian, Skynet, satu program pertahanan ketenteraan yang telah diaktifkan. Namun, program tersebut melihat manusia sebagai ancaman terhadap kemunculannya, lalu ia mengambil keputusan untuk menyerang terlebih dahulu dengan serangan nuklear. Program tersebut memburu dan menghapuskan manusia dengan mencipta robot penghapus manusia yang dikenali sebagai *terminator* dalam peristiwa yang dikenali sebagai "Hari Perhitungan". Hampir seluruh penduduk dunia musnah namun ada yang masih hidup.

Pasukan pemberontak ditubuhkan dengan tujuan untuk menghancurkan Skynet dan *terminator*. John Connor merupakan salah seorang pemimpin pasukan pemberontak tersebut. Filem tersebut kemudiannya melompat ke tahun 2018 di mana John Connor menyerang sebuah markas Skynet yang dipenuhi

tahanan manusia. Namun serangan tersebut gagal dan hanya John Connor yang selamat. Marcus sedar kembali 15 tahun selepas perlaksanaan hukuman mati di dalam pangkalan Skynet yang baru diserang oleh pasukan pemberontak, sementara John Connor baru sahaja meninggalkan markas Skynet tersebut. Namun Marcus lupa ingatan dan tidak tahu siapa dirinya, realitinya dia merupakan bahan uji kaji Skynet.

Kisah dilanjutkan dengan cerita perjalanan Marcus yang bertemu dengan Kyle Reese yang merupakan bakal ayah John Connor. Dalam babak yang lain John Connor yang mencuba teknologi untuk mematikan robot. Marcus dan John Connor akhirnya bertemu, namun John Connor bimbang sama ada Marcus yang ternyata berbadan separuh robot itu kawan atau lawan. Namun akhirnya Connor dan Marcus bekerjasama masuk ke pusat operasi Skynet dan berjaya menewaskan Skynet.

Keputusan & Perbincangan

Kiamat menurut Ajaran Kristian dan Yahudi

Sebagaimana agama Islam, kepercayaan mengenai Hari Kiamat juga terdapat dalam ajaran Kristian. Kiamat bermaksud Masa Tamat, Akhir Masa, atau lebih dikenali dengan *End Day*. Dalam agama-agama samawi, masa kiamat adalah sering digambarkan sebagai satu masa penderitaan yang mana Al-Masih akan muncul, untuk menegakkan agama Allah di atas muka bumi dan membawa satu matlamat untuk menghapuskan penderitaan dan kejahanatan. Di dalam Bible terdapat banyak ayat yang menceritakan tentang alamat-alamat kiamat.

Filem *Terminator Salvation* mengisahkan tentang keadaan dunia yang menghampiri kiamat dan banyak babak dalam filem tersebut memaparkan tandatanda kiamat seperti mana yang tercatat dalam kitab ajaran Kristian.

Seseorang yang kuat keagamaan seperti Barnes secara individunya yakin bahawa Hari Perhitungan itu adalah permulaan kepada "Akhir Zaman" yang telah dijelaskan dalam Bible dan Skynet pula ialah anti-Christ.

Tanda-Tanda Kiamat

Tanda-Tanda Kiamat mengikut ajaran Kristian yang berkait rapat dengan *Terminator Salvation* ialah:

- (1) Tekanan akan menjadi sebahagian daripada kehidupan (Byrne, 2007).

Hampir semua manusia tertekan dengan kehadiran kehadiran Skynet yang merupakan "Dajjal", membunuh sesuka hati mereka. John Connor pula tertekan dengan

kematian ibunya di tangan robot dan tidak terkecuali manusia yang menjadi tahanan Skynet.

(2) Banyak perperangan bakal meletus (Byrne, 2007).

Perperangan antara umat manusia dengan Skynet yang hampir meliputi seluruh dunia, menghancurkan semua harta benda dan mengorbankan banyak manusia, malah semua keperluan dan kawasan dikuasai oleh Skynet.

(3) Rakyat akan meninggalkan Ten Commandments sebagai tatacara kehidupan, dengan melakukan zina, mencuri, berbohong, dan pembunuhan (Byrne, 2007).

Kedatangan Nabi Isa adalah bukan membawa agama yang baru tetapi untuk menyempurnakan ajaran nabi Musa a.s. Ten Commandments ini adalah *syari'at* yang diterima oleh nabi Musa daripada *Yahweh* di atas Bukit Sinai seperti berikut (Mohd Rosmizi, 2004);

1. Jangan menyembah selain Tuhan Yahweh/Yahowa.
2. Jangan membuat patung ataupun mengukirnya.
3. Jangan menyebut nama Tuhan Yahweh/Yahowa dengan sia-sia.
4. Memuliakan hari Sabbath.
5. Menghormati ibu bapa.
6. Jangan membunuh.
7. Jangan melakukan zina.
8. Jangan mencuri.
9. Jangan melakukan kesaksian dusta.
10. Jangan menginginkan apa yang menjadi hak milik orang lain tanpa kebenaran.

Antara perbuatan yang bertentangan dengan *ten commandment* dalam filem tersebut ialah:

i) Membunuh

1. Pembunuhan yang dilakukan oleh Skynet ke atas manusia.
2. Pembunuhan yang dilakukan oleh Marcus sebelum menjadi Terminator.

ii) Mencuri

1. Marcus mencuri pakaian tentera yang telah mati dan tidak menghormati mayat yang telah mati, tapi mungkin boleh dikatakan dia dalam keadaan darurat dan perbuatan itu tidak menjadi kesalahan.
2. beberapa lelaki juga telah mencuri hak Blair (pistol) ketika dia sedang merawat kecederaannya.

iii) Berzina

Sekumpulan manusia yang hanya mementingkan diri sendiri, cuba untuk merogol Blair yang dianggap lebih buruk daripada berzina.

(4) Ramai manusia akan mengaku sebagai pengganti kepada Jesus (Byrne, 2007).

Kita lihat sebahagian orang menganggap John Connor sebagai nabi palsu. John Connor dianggap sebagai pembebas manusia dan mempunyai satu sifat iaitu memberi ramalan untuk dunia.

(5) Bukti-bukti kekuasaan Tuhan akan dinafikan oleh para cendekiawan (Byrne, 2007).

John Connor tidak mempercayai qada' dan Qadar tuhan dan mereka mempercayai mereka yang menentukan Qada' dan Qadar. Sepertimana yang dikatakan John Connor "Tidak apa yang berlaku kecuali apa yang kita buat."

(6) Kebuluran berleluasa di atas muka bumi (Byrne, 2007).

Makanan susah didapati, dapat dilihat bagaimana Kyle Reese dan Star yang kebuluran dan mereka hanya dapat makan apabila diberi oleh sekumpulan manusia yang bersembunyi di sebuah kedai 7-Eleven.

(7) Pengetahuan akan meningkat (De Haan, 1996)

Manusia mencipta Skynet yang memudarangkan manusia sendiri. Skynet merupakan sebuah robot yang menguasai dunia dan senjata-senjata canggih dicipta dengan tanpa kawalan manusia.

Konsep Salvation

Istilah *salvation* yang diambil daripada bahasa Itali, *salva* membawa maksud tindakan menyelamat dan memelihara daripada kebinasaan, bahaya atau celaka. *Salvation* juga turut memberi erti keselamatan yang diperolehi melalui pengorbanan oleh pihak lain atau individu terbabit (Khadijah, 1999).

Dalam filem ini, istilah salvation merujuk kepada John Connor yang telah dipilih untuk menyelamatkan manusia daripada kemusnahan yang telah disebabkan oleh Skynet. Secara jelasnya John sanggup mempertaruhkan dirinya untuk menyelamatkan tahanan yang ditawan Skynet "anti-Christ" walaupun risikonya agak tinggi. Ini menunjukkan ada persamaan konsep antara pengorbanan dalam filem ini dengan pengorbanan Jesus Christ yang di anggap sebagai saviour kepada manusia daripada dosa warisan.

Kemunculan Mesiah & Perkiraan Berlaku Kiamat

Ramai orang menyangka bahawa tanda-tanda yang berkaitan dengan Kedatangan Mesiah dan Restorasi (pembentukan kembali) al-kitabiah Israel adalah semuanya diakibatkan dari tragedi dan perperangan.

Walaupun perperangan adalah berkaitan dengannya, beberapa tanda-tanda ini sebenarnya berada dalam pergerakan khusus dari tubuh planet yang menggambarkan rentetan masa menurut kepada Kalendar Kaabah Kuno (Wade, 2009). Bagi orang Yahudi, Tuhan telah membentuk sistem solar dengan sebegini sekali agar mereka dapat mengetahui bilakah Sabat, Bulan Baru dan perayaan-perayaan itu terjadi.

Terdapat tujuh hari dalam seminggu. Orang Yahudi mempunyai enam hari untuk melakukan pekerjaan mereka. Ini bermaksud mereka harus aktif bekerja pada kesemua enam hari itu. Hari ketujuh adalah hari Sabat Tuhan Allah. Pada hari Sabat mereka berhenti bekerja. Enam hari sewaktu penciptaan Tuhan aktif bekerja, namun pada hari ketujuh Dia telah berhenti dari pekerjaanNya. Dia memberkati serta menguduskan (iaitu mengasingkan) hari Sabat menjadi suci (Diane & Wade, 2003). Pada setiap hari Sabat, mereka seharusnya mengingati penciptaan itu serta bagaimana Tuhan telah membawa mereka keluar dari Mesir¹.

Sama seperti setiap hari ke-7 dikuduskan dan dikhaskan sebagai suci, begitu jugalah dengan setiap tahun ketujuh yang dikenali sebagai Tahun Sabath (Diane & Wade, 2003). Tahun Sabath adalah tahun perhentian untuk manusia dan planet ini. Sewaktu tahun ke-7, tanam-tanaman tidak ditanam untuk membolehkan tanah berehat dan pulih semula. Sesiapa yang berhutang kepada mereka dilepaskan atau dibebaskan dari hutangnya itu.

Pada Perayaan Pondok Daun pada tahun ke-7, Hukum Tuhan dibacakan. Ini diperintahkan oleh Tuhan agar mereka semua dapat mendengar dan belajar untuk takut akan Tuhan Allah mereka, serta memelihara kesemua firman HukumNya (Diane & Wade, 2003).

Sama seperti Pentecost bermaksud kiraan 50 (Khadijah, 1999)² dan mereka mempunyai tujuh minggu yang sempurna dari Unjukan Berkas sehingga hari Pentakosta, begitu juga dengan Tahun Jubli. Mereka mempunyai tujuh tahun Sabat yang sempurna, iaitu jumlahnya 49 tahun. Pada tahun ke-49 pada hari Pendamaian, yobel (sangkakala) dibunyikan untuk menandakan Tahun Jubli. Sangkakala menandakan bahawa mereka seharusnya mengkuduskan tahun ke-50

¹ Kisah Nabi Musa kaumnya yang terselamat dari ancaman Firaun yang mengejar mereka sehingga ke Laut Merah

² Perayaan lama musim pertanian yang dirayakan 50 hari selepas hari raya Paskah

itu serta mengisyiharkan kemerdekaan di seluruh negeri (Diane & Wade, 2003).

Sama seperti pada Tahun Sabat di mana mereka tidak menanam tanaman, begitu jugalah di dalam Tahun Jubli. Tuhan menyediakan mereka tuaian dua kali ganda untuk melalui tahun ketujuh itu sehingga mereka menanam semula pada tahun pertama kitar tersebut. Begitu juga dengan Jubli, Tuhan akan menyediakan tuaian tiga kali ganda pada tahun ke-48 untuk keperluan mereka sehingga tahun pertama kitar seterusnya (Diane & Wade, 2003).

Sungguhpun sesuatu keluarga berhutang dan kehilangan wang yang banyak, Jubli memberikan mereka peluang untuk bermula sekali lagi setelah mereka mempelajari bagaimana untuk memperbetulkan kesilapan-kesilapan mereka.

Jangka masa empat puluh Jubli, atau dua ribu tahun³, akan berakhir pada 2027/28. Tahun 2028/29 memulakan Milenium ke-7, yang mengikut dahulukalanya digelar sebagai jangka masa Pemerintahan Adil (Just Rule).

Jangkamasa dari 1996 hingga ke 2025/26 adalah fasa tiga puluh tahun yang disamakan dengan masa hayat Mesias. Jangkamasa ini akan memperlihatkan kedatangan kembali Mesias dan penundukkan planet ini.

Sistem Jubli memerlukan suatu tahun penuaan bertiga sebelum Sabat ketujuh bagi 2026/27 dan tahun Jubli 2027/28. Dengan itu, jangka masa terakhir di mana terjadinya perperangan-perperangan terakhir dan kedatangan kembali Mesias akan bermula dari 1996 dan berlanjutan ke 2025/26.

Mesias akan mula memerintah dari Yerusalem dari tarikh itu untuk Milenium tersebut. Begitu juga, perlawanan-perlawanan yang melibatkan nabi palsu dan binatang itu yang tertumpu pada Yerusalem akan bermula dari tahun 1997 dan seterusnya.

Yerusalem akan sekali lagi dikepung oleh bala tentera syurga yang berada di bawah kawalan penuh Mesias menjelang tahun 2027, sepadan dengan Tanda Yunus dan tepat 40 jubli dari deklarasi Tahun Rahmat Tuhan dalam jubli berikut kelahiran Mesias (Wade, 2004).

Perperangan sudahpun bermula⁴ dan sistem binatang harus tumbuh dengan lebih pesat dan mengambil alih sistem Kerajaan Dunia di bawah yang mereka gelar sebagai Susunan Dunia Baru. Sistem ini

³ Empat puluh jubli telah diberikan kepada semua bangsa untuk bertaubat dan untuk membawa masuk aturan ilahi pada hujung Milenium keenam pada tahun 2027 (Wade, 2004).

⁴ Perperangan akhir sudahpun bermula dari pencerobohan Afghanistan dan Iraq pada 1996 (Wade Cox, 2004)

berterusan di bawah Iblis dan pengikutnya di Bumi sehingga 2012 apabila Hukum Allah dibaca dan dijelaskan dan diserapkan.

Jangka masa bangsa-bangsa, atau masa golongan bukan orang Yahudi apabila dikira dari masa penciptaan Adam akan berakhir pada tahun 1997. Ianya juga berakhir pada tahun ini apabila ia dikira dari ramalan terhadap beberapa kriteria alkitabiah yang lain (Wade Cox, 2004).

Dari masa ini, jangka masa 30 tahun bagi perkabungan Musa bermula dan pengiraan kepada pemulihan Israel di bawah Yesus Kristus bermula. Tiga puluh tahun terakhir⁵ (Wade, 2002) ini bermula pada 1996 – 2025/26. Nabi palsu dan Anti Kristus akan terus berkembang dari sekarang sehingga kedatangan Mesiah.

Jangka masa 7 tahun⁶ penawanan planet ini harus diselesaikan sebelum permulaan Tahun Jubli dari Pendamaian pada 2026 dan akhirnya pada 2027 dan permulaan Jubli Baru dari Restorasi Ezra dan Nehemiah pada 2028.

Dari 2015 dan 2018 konversi Yudah akan terbentuk dan dari masa ini tidak ada orang yang boleh memasuki Kebangkitan yang Pertama. Ianya sudah terlalu lewat. Iblis akan diikat dan ditempatkan di dalam jurang yang dalam selama satu milenium pada masa ini. Ia menjadi jelas bahawa Kristus harus berada di sini, paling lewat sebelum 2019 dan mungkin tahun lebih awal pada 2018 kerana tuntutan tuaian berganda.

Kristus muncul dan kemudian terdapat 7 tahun yang mana Tentara Israel, yakni Tentara Tuhan berarak di sekeliling Yeriko dan tembok roboh dan hanya umat pilihan yang telah terselamat. Umat pilihan dilambangkan oleh Rahab perempuan sundal yang telah diselamatkan oleh benang merah Paskah di atas jenang yang ada di dinding kota dan janji yang dia buat dengan perwakilan Israel Allah (Wade, 2006).

Dari 2019 bangsa-bangsa akan dibawa ke Megiddo dan mereka akan ditakluk oleh Mesiah (Wade, 2006). Menjelang 2015 seluruh dunia akan berada dalam proses penaklukan terakhir bagi penempatan warisannya serta tempat-tempat yang mana diperlukan demi untuk bersedia untuk sistem milenial.

Pada 2026 Tahun Sabat Terakhir zaman ini akan berlangsung. Pada 2027 yobel akan ditiuip dan sistem baru akan mengambil tempatnya dan mula bersedia untuk penuaiannya dari Pendamaian. Pada 2028

Milenium akan bermula dari Abib Bulan Baru, yang merupakan Tahun Baru. Dari tarikh ini tidak ada penuaiyan dan tidak ada hujan pada musi seterusnya bagi mereka yang tidak memelihara Hukum Allah dan menghantar perwakilan ke Yerusalem bagi Perayaan Bait Suci (Wade, 2006).

Kesemua tiga sistem utama dalam Islam, Yudaisme dan Kekristianan akan berlalu. Mereka akan menjadi perkara silam dan tidak lagi diingati, bersama dengan orang yang mewakilinya. Orang-orang ini akan mengalami Kebangkitan yang Kedua pada penghujung sistem milenial. Warisan yang mereka tinggalkan akan mengambil masa bertahun untuk dibetulkan dan bumi ini mengambil masa berdekad untuk sembah. Ianya akan hampir lima puluh tahun dari 2018 sehingga Pemulihan Yobel Emas pada tahun 2077 sebelum ianya sembah sepenuhnya. Yobel ini adalah yobel yang ke lima puluh sejak Pemulihan di bawah Ezra dan Nehemiah. Ia adalah tahun “Yobel atas segala Yobel” dan dunia akan dipulihkan dan akan damai selama seribu tahun (Wade, 2006). Rajah 1 menunjukkan susunan peristiwa mengikut Kalender Mekah Kuno (lampiran).

Kesimpulan

Tidak diragukan betapa filem yang menjadi subjek kajian kertas kerja ini – *Terminator: Salvation* – memberi impak yang besar dalam mempengaruhi minda masyarakat tentang kiamat, penyelamat yang dijanjikan (*promised savior*) dan keamanan dunia. Bagi umat Islam, pengaruh filem ini tanpa disedari dapat menghakis keimanan kepada qada’ dan qadar dan membantalkan keyakinan kepada kedatangan al-Mahdi. Ia semestinya salah satu agenda Yahudi dalam usaha menyesatkan manusia dan menghapuskan segala kepercayaan agama di dunia ini kecuali kepercayaan mereka. Meskipun latar filem Terminator Salvation ini dipenuhi watak dan suasana keagamaan (religious state) Kristian, namun motif filem tidak membawa ke arah dogma-dogma Kristianisasi yang percayakan hari kiamat, kedatangan Jesus dan peperangan di antara apostle dan pengikut Jesus. Inilah buktinya Yahudi menjadikan Kristian sebagai proksi penyesatan melalui filem tersebut ataupun produksi layar perak umumnya. Kita sepatutnya menyedari dan berhati-hati dengan gerakan ini, terutama kepada anak-anak kecil yang masih tidak mengerti hakikat sebenar ajaran agama. Pihak kerajaan juga memainkan peranan penting dalam menapis filem-filem yang dibawa masuk ke dalam negara. Tiada gunanya jika hanya tidak mengiktiraf negara Israel tetapi mengiktiraf budaya dan ajaran mereka.

⁵ Fasa tiga puluh tahun yang disamakan dengan masa hayat Mesias (Wade, 2002).

⁶ Satu jangka masa tujuh tahun yang diberikan sebagai masa kejatuhan bangsa-bangsa dari perlambangan kepada kemunculan Yesus Kristus di Yeriko kepada Yoshua, apabila dia muncul sebagai Kapten Tentara Tuhan.

Rujukan

- Byrne, H.W., (2007). *Signs of The Time*. USA: Xulon Press.
- De Haan, M.R., (1996). *Signs of The Time*. Chicago: Kregel Publication.
- Diane Flanagan & Wade Cox. (2003) *Kalendar Kudus Tuhan, siri ke-CB20* (terjemahan). Australia: Christian Churches of God.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali. (1999). “Konsep Salvation Menurut Agama Kristian: Satu Huraian Awal”, *Jurnal Usuluddin, jil. 10*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali. (1999). *Perayaan-perayaan Agama Kristian*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd. Rosmizi Abd. Rahman. (2004). *4 Agama Monoteisme*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wade Cox. (2002). *30 Tahun Terakhir: Pergelutan Penghabisan, siri ke-219* (terjemahan). Australia: Christian Churches of God.
- Wade Cox. (2004). *Simbolisme Nombor, siri ke-7* (terjemahan). Australia: Christian Churches of God.
- Wade Cox. (2006). *Empat Puluh Tahun Bagi Pertobatan, siri ke-290* (terjemahan). Australia: Christian Churches of God.
- Wade Cox. (2004). *Signifikans Tahun 2000, siri ke-286* (terjemahan). Australia: Christian Churches of God.
- Wade Cox. (2009). *Tanda-tanda Tuhan di Langit: Bahagian 1, siri ke-38A* (terjemahan). Australia: Christian Churches of God.

Lampiran

Rajah 1:

1996	Peperangan akhir bermula (pencerobohan Afghanistan & Iraq)
1997	
2011	
2012	Sabbath
2013	
2014	
2015	
2016	
2017	Fasa Tiga Puluh Tahun (jangka masa hayat Messiahan)
2018	Tuaian Berganda (kedatangan Messiahan)
2019	Sabbath
2020	
2021	
2022	
2023	
2024	
2025	Tuaian tiga kali ganda
2026	Sabbath , sangka kala ditutup (Hari Perdamaian)
2027	Jubli ke-40
2028	Jubli Baru dari Pembentukan Kembali Ezra dan Nehemiah (MILLENIUM ke-7, jangka masa Pemerintahan Adil)
2029	